

**Analisis Tekstual Sebagai Method Dalam Memahami Ungkapan Puisi
Imam Al-Shafie R.H.M**

*Nik Murshidah Nik Din
Najihah Abd Wahid
Rahimah Embong
Khazri Osman
Nik Muniyati Nik Din*

Abstrak

Kajian ini bermatlamat menganalisis gaya bahasa al-tawkid yang terdapat dalam Diwan al-Shafi'i r.h.m dengan menggunakan kaedah analisis tekstual. Pendekatan analisis ini dapat membantu pembaca memahami teks puisi dengan lebih mendalam. Hanya puisi-puisi Imam al-Shafi'i yang mengandungi gaya bahasa al-tawkid sahaja dipilih untuk dianalisis. Hasil kajian mendapati bahawa analisis tekstual adalah kaedah yang baik dalam membantu menganalisis sesebuah teks puisi dari sudut linguistik dan fungsi makna puisi tersebut.

Kata kunci: kaedah analisis tekstual, kajian linguistik, analisis tekstual puisi.

Abstract

This study aims to examine al-tawkid poetic style in Shafii's poems by using the textual analysis approach. This analytical approach can help readers understand the poetry texts deeply. This study will focus on textual analysis applied in poetry text studies. The selected poems of Imam al-Shafi'i r.h.m which is containing al-tawkid are only chooses to be analyzed. The findings show that textual analysis is a good method to analyze a poetic text from the linguistic point of view and the function of the poetic meaning.

Keywords: textual analysis method, linguistic research, poetry text analysis.

Pengenalan

Kertas kerja ini bermatlamat untuk melihat kaedah analisis tekstual dalam memahami gaya bahasa al- adalah kajian yang dirancang berdasarkan rekabentuk yang bersesuaian. Pemilihan reka bentuk kajian dipilih berpandukan kepada objektif tawkid yang terdapat dalam diwan puisi al-Imam al-Shafie. Justifikasi kaedah ini dipilih adalah bagi menyatakan kesesuaian kaedah ini dalam memahami sesebuah puisi selain ianya berkait rapat dengan makna tersirat di sebalik penggunaan al-tawkid dalam sesuatu teks.

Fokus perbincangan kertas kerja ini ialah tentang kaedah analisis tekstual yang akan diaplikasikan dalam kajian analisis gaya bahasa al-tawkid puisi-puisi lantunan Imam al-Shafi'i r.h.m

Kajian ini bersifat kualitatif yang mengenengahkan kaedah analisis tekstual dalam melihat gaya bahasa al-tawkid yang digunakan oleh al-Imam al-Shafie. Kaedah kajian ini merangkumi proses mengumpul, menganalisis, dan menafsir data amat penting agar data yang diperolehi selari dengan kehendak dan keperluan kajian.

Analisis Tekstual Dan Prosedur

Reka bentuk kajian adalah kerangka yang dibina dan diaplikasi oleh sesuatu kajian bagi mendapatkan data dan menganalisisnya. Ia juga boleh dianggap sebagai strategi yang disusun rapi yang menjelaskan proses kajian dijalankan (Atkinson, 1983; Creswell, 1998; Bryman, 2008; Othman Lebar, 2012). Disamping itu, reka bentuk kajian dapat menentukan strategi serta kesesuaian pemilihan instrumen bagi mendapatkan serta menganalisis data kerana reka bentuk amat bergantung kepada masalah kajian serta tujuan asal kajian.

Kajian ini telah memilih untuk menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis tekstual. Proses analisis tekstual ini melibatkan penggunaan gaya bahasa *al-tawkid* dalam puisi-puisi Imam al-Shafi'i r.h.m dalam *Diwan* beliau. Pendekatan tersebut dipilih memandangkan kajian ini lebih memfokuskan pemahaman struktur bahasa puisi. Di samping itu, dapatan kajian ini juga bukan melalui prosedur statistik dan lain-lain bentuk pengiraan sebaliknya bercirikan sentimental. Selain itu, pendekatan dan reka bentuk tersebut lebih menepati disiplin keilmuan bahasa serta teori stilistik yang menilai penggunaan bahasa sesuatu teks. (Strauss dan Corbin, 1990; Yan Zhang & Barbara Wildermuth, t.t:1; Ghazali Darussalam, 2016).

Analisis tekstual dianggap sebagai metodologi kesarjanaan dalam bidang kemanusiaan di mana teks dikaji berdasarkan pengkaryaan, kesahihannya dan makna-makna teks (Joubish, Muhammad Farooq dan Muhammad Asyraf Khurram, 2011). Ini adalah salah satu teknik yang sistematik yang menekankan penggunaan bahasa dan perkataan-perkataan dalam teks yang boleh diklasifikasikan kepada beberapa kategori yang lebih besar berdasarkan sistem pengkodan yang mempunyai kata kunci yang tersendiri (Berelson, 1952; Krippendorff, 1980; Weber, 1990 dalam Steve Stembler, 2001). Justeru, kajian komited mengatakan kaedah analisis tekstual lebih sesuai digunakan untuk kajian ini memandangkan subjek kajian penyelidik merupakan subjek yang berbentuk teks puisi dan juga melibatkan penggunaan bahasa.

Analisis tekstual ialah analisis yang dilakukan ke atas sesebuah teks yang bertujuan untuk memahami teks tersebut berdasarkan zahir teks. Dalam bahasa Arab, kalimah tekstual diterjemahkan sebagai *al-zahir*. *Al-Zahir* dari segi bahasa bermaksud *al-wadih* dan *al-bayyin* iaitu jelas dan terang. Manakala dari segi istilah pula, kalimah *al-zahir* diertikan dengan sesuatu yang ditunjukkan oleh zatnya kepada makna yang *rajih* (tepat) dan berkemungkinan mempunyai makna yang lain.

Proses menganalisis sesebuah puisi memerlukan seseorang untuk memahaminya dari segi zahir puisi tersebut serta maknanya yang tersirat. Proses tersebut sudah tentu memerlukan kepada penelitian daripada pelbagai sudut supaya kandungan makna yang hendak disampaikan oleh pemilik puisi tidak terpesong. Terdapat dua bentuk analisis tekstual sebagai mana yang dijelaskan oleh Sumarlam (2008:87) iaitu analisis dari aspek tatabahasa dan makna. Analisis tatabahasa adalah analisis dari segi struktur ayat yang digunakan termasuklah penggunaan kata ganti nama, penggunaan kalimah yang sama makna, penggunaan penanda wacana dan sebagainya. Aspek yang kedua ialah aspek makna atau leksikal, yang mana ianya meliputi makna di sebalik sesuatu ungkapan. Ungkapan yang dimaksudkan ialah ungkapan pengulangan, ungkapan makna yang sinonim, dan antonim(ungkapan makna yang berlawanan).

Kepentingan Analisis Tekstual Dalam Memahami Puisi

Puisi atau syair dari etimologinya berasal daripada kalimah shaara- yash'uru- shi'ran bermakna mengetahui, menyedari serta memikirkan sesuatu (Fayruz abadi 2005). Shi'ir juga diertikan sebagai merasai dan mengetahui sesuatu dengan terperinci(Zabidi 1984:177). Dari segi istilah pula Qudamah bin Jaafar mendefinisikan puisi sebagai kata-kata yang mempunyai *wazan* dan *qafiah* serta mempunyai makna (Ihsan 'Abbas 1983:191). Kefahaman terhadap konsep puisi dan kaedah memahami bahasa sastera amat penting bagi menghasilkan kefahaman yang tepat terhadap puisi.

Dalam memahami bahasa puisi, sarjana bahasa mempunyai pelbagai pandangan tentang kaedah menterjemah dan menganalisis puisi, antaranya ialah Jahiz(2003:53) yang menganggapnya sebagai satu usaha yang sukar dan penukilan yang tidak harus kerana usaha ini akan menatijahkan kerosakan pada *nazm* dan *waznnya*. Manakala, Kassim Ahmad (1991) pula menyatakan terlalu unsur subjektif, perasaan dan emosi yang terlalu banyak merupakan kekangan utama dalam menterjemahkan puisi. Namun penterjemahan puisi boleh dilakukan dengan menggunakan beberapa kaedah yang melibatkan pemahaman struktur bahasa dan situasi bahasa yang digunakan (Najihah, 2013; Khazri, 2015)

Contoh Analisis Tekstual Puisi - Puisi Terpilih Daripada Diwan Imam Al-Shafi'i R.H.M

Bagi memahami kaedah analisis tekstual yang digunakan, kajian mendatangkan beberapa contoh teks puisi Imam al-Shafi'i r.h.m yang mengandungi partikel-partikel al-tawkid untuk dianalisis secara tekstual. Kaedah ini melalui proses penafsiran terhadap teks-teks puisi dan pemahaman rinci terhadap konteks puisi bagi mendalami dan menekuni maknanya. Dalam hal ini, penyelidik akan melihat periwayatan sesuatu lafaz puisi sebelum sesuatu tanggapan makna dibuat. berikut adalah contoh puisi-puisi tersebut:

- a. **Puisi: “Jangan berputus asa dengan rahmat Allah”** dipetik oleh Syitaywi (2003:81) dalam Diwan Imam al-Shafi’i r.h.m:

لا تَيَأسَنَّ من لطف ربك في الحشا في بطن أمك مضعة ووليدا
لو شاء أن تصلي جهنم خالدا ما كان ألهم قلبك التوحيدا

Maksudnya: *Janganlah kamu berputus asa daripada rahmat tuhanmu, kerana Dia telah merahmati engkau bermula dari segumpal darah seterusnya menjadi bayi sejak daripada dalam kandungan ibumu.*

Sekiranya dia mahu masukkan engkau ke dalam neraka, nescaya dia tidak akan memberi tauhid dalam hatimu.

Puisi ini bertemakan nasihat supaya tidak berputus asa dengan rahmat Allah. Dari segi nahu, huruf *lam alif* pada permulaan ayat perenggan pertama teks tersebut adalah *lam nahi* (lam larangan). Penggunaan *lam nahiah* mesti disusuli dengan *fiil mudharik* (perbuatan yang akan berlaku). Manakala *nun* pada *fiil* tersebut merupakan *nun al-tawkid* yang harus dimasukkan dalam keadaan tersebut bertujuan menguatkan larangan yang dibuat (Ahmad Al-Hasyimiyy, 1996). Adapun dari segi struktur ayat, teks ini menggunakan *jumlah fikliyyah* yang membawa makna *al-tajaddud wa istimrar* iaitu jangan kamu berterusan berputus asa dengan kebaikan tuhanmu. Menurut Najdi (1986) kalimah *ya’s* bererti seseorang hamba merasakan Allah tidak mengampunkan dosa-dosanya biarpun telah melakukan taubat. Imam al-Shafi’i r.h.m memilih untuk menggunakan *ya’s* berbanding *qanut* kerana kalimah *qanut* bermaksud tidak meletakkan walau sedikit pun harapan terhadap rahmat Allah seolah menutup hati terus daripada menganggap Allah maha pemurah. Penggunaan kalimah ini sekali gus memberi gambaran bahawa pendengar mempunyai keraguan terhadap taubat yang dilakukan. Bagi menghapuskan keraguan itu, Imam al-Shafi’i memulakan larangan tersebut dengan menyelitkan satu partikel *al-tawkid*. Larangan ini bertepatan dengan hadis qudsi Dari abu Hurairah r.a berkata nabi Muhammad S.A.W bersabda, Allah berfirman : “ Aku menurut sangkaan hambaku kepadaKu, dan aku bersamanya apabila ia ingat kepadaKu” (hadis ditakhrij oleh Bukhari). Pemilihan kalimah *Ya’s* lebih tepat menggambarkan keadaan pendengar ketika itu berbanding penggunaan kalimah *qanut*. Penggunaan *qanut* adalah tidak tepat dalam hal ini dalam menggambarkan keadaan ragu tersebut.

Menurut teori khabari, sekiranya timbul sebarang keraguan kepada pendengar, maka penutur perlu menggunakan satu partikel *al-tawkid* bagi menghapuskan keraguan tersebut (Al-Hashimiyy, 1994). Permulaan ayat sepatutnya menggunakan khabar yang ditujukan kepada pendengar yang *khali zihni*. Namun disebabkan terdapatnya tanda-tanda keraguan pada pendengar, maka Imam al-Shafi’i r.h.m terlebih dahulu menggunakan satu partikel *al-tawkid* bagi menghapuskan keraguan yang timbul dalam minda pendengar. Situasi ini dikategorikan sebagai menyimpang daripada teori asal *khabari* yang dipanggil sebagai *khuruj min muqtadha zahir. tanzil khali zihni manzilatu mutaraddid* (turun tahap pendengar yang tidak tahu kepada pendengar yang ragu). Justeru teks ini dimulakan dengan larangan supaya tidak berputus asa.

Secara umumnya kita dapat memahami bahawa puisi ini melarang untuk kita berputus asa dengan rahmat Allah lantaran rahmat yang telah Allah berikan kepada kita terlalu banyak sejak dari kita dalam kandungan ibu lagi. Namun mesej yang hendak disampaikan bukan sekadar terhenti disitu. Maksud keseluruhan puisi ini lebih kepada menyatakan terdapatnya unsur *targhib* yang mana pada rangkap seterusnya yang menyatakan bahawa janji Allah itu tidak mengekalkan seseorang yang mempunyai tauhid dalam hatinya dalam neraka pada hari akhirat. Kepercayaan untuk mengesakan Allah SWT merupakan anugerah-Nya kepada sesiapa yang dikehendaki. Penggunaan gaya bahasa peneguhan berdasarkan penambahan *nun tawkid thaqilah* menunjukkan ketegasan larangan tersebut.

b. Puisi “tuduhan rafidhah”

ما الرفض ديني ولا اعتقادي	قالوا : ترفضت، قل كلا
خير إمام وخير هادي	لكن توليت غير شك
فإني رفضي إلى العباد	إن كان حب الولي رفضا

Maksudnya:

Mereka menuduhku:Kamu mendokong Syiah RĒfilāh. Telah aku katakan: Tidak sekali-kali. Tiada RĒfilāh pada agamaku dan peganganku.

Akan tetapi, tanpa ragu aku mengangkat sebaik-baik Imam dan pemberi petunjuk, Sekiranya cintakan wali (Saidina Ali) dianggap RĒfilāh, maka aku memisahkan diri daripada manusia.

Imam al-Shafi’l r.h.m dalam rangkap pertama merekodkan tuduhan rafidhah yang dilemparkan terhadap beliau dan beliau dengan tegas menafikannya dengan satu kalimah iaitu *kalla*. Dari segi makna, *kalla* merupakan penafian tegas yang dikhususkan untuk memberi makna pengingkaran (Ahmad Mukhtar Umar et al, 2008)). Seterusnya penafian diteruskan dalam frasa kedua rangkap pertama dengan mengatakan tiada rafidhah dalam agama dan pegangan beliau. Dalam rangkap puisi ini, Imam Al-Shafie r.h.m menggambarkan pendirian sebenar beliau dan secara terang menolak Syiah Rafidah. Menurut kaedah nahu, lakinna berfungsi mengakusatifkan al-ism dan menominatifkan khabar. Lakinna berfungsi sebagai huruf istidrak (menetapkan apa yang datang selepasnya hukum yang bertentangan dengan hukum yang datang sebelumnya) . Justeru, dalam membina ayat yang mengandungi al-istidrak, ayat tersebut mestilah didahului dengan ayat yang bertentangan (*munaqid*) dengan apa yang selepasnya.

Dari segi al-ma’ani, lakinna dianggap sebagai salah satu daripada partikel al-tawkid(Al-Hashimiy, t.th.). Penggunaan satu partikel al-tawkid dalam rangkap kedua di atas menggambarkan keadaan pendengar adalah dalam keadaan ragu. Jika diteliti, keraguan ini timbul kerana penafian yang dibuat pada frasa kedua rangkap pertama. Sekiranya penafian tiada Rafidhah pada agamaku

dan peganganku terhenti begitu sahaja, pasti akan timbul pelbagai persoalan dalam minda pendengar. Adakah mungkin Imam al-Shafi'i sekadar berdolak-dalik? bagaimana pula dengan ibadat beliau? dan sebagainya. Justeru, bagi menjawab persoalan tersebut dan menghentikan tuduhan liar itu, Imam al-Shafi'i r.h.m dengan segera melengkapkan rangkap puisi beliau dengan menggunakan partikel lakinna. Penggunaan ini sebagai menghentikan sebarang bentuk spekulasi terhadap beliau. Seandainya partikel al-tawkid digugurkan, nescaya kekuatan makna dan nilai estetika dalam puisi ini akan terjejas. setiap jenis partikel al-tawkid yang dimasukkan ada tujuannya yang tertentu hingga boleh menyentap jiwa pendengar lantaran susunan kata yang tepat dan jitu bersesuaian dengan situasi pendengar. Seterusnya, mengakhiri puisi beliau dengan satu lagi partikel al-tawkid bagi menyatakan i'tikad beliau terhadap Sayidina Ali k.w. Kalimah al-rafdhu pada rangkap terakhir itu membawa makna literal dan bukannya makna secara istilah syiah rafidhah (Najihah Abd Wahid, 2014)

Kaedah analisis tekstual yang digunakan membantu pembaca memahami fungsi penggunaan al-tawkid dan kesepaduan nahu dan balaghah dengan baik. Hal ini sekaligus membantu pembaca memahami makna tersurat dan tersirat dalam teka-teks puisi Imam al-Shafi'i r.h.m. Seterusnya,

c. Puisi "Cahaya Allah"

شكوت إلى وكيع سوء حفظي فأرشدني إلى ترك المعاصي
وقال : اعلم بأن العلم نور ونور الله لا يؤتى لعاصي

Maksudnya:

Aku mengadu pada Waki' tentang buruknya hafalanku, maka disarankanku agar meninggalkan maksiat

Dia berkata : Ketahuilah bahawa ilmu itu cahaya Ilahi, cahaya Ilahi tidak datang pada pelaku maksiat

Ungkapan di atas secara umumnya menyeru manusia untuk meninggalkan maksiat lantaran perbuatan melakukan maksiat akan menghilangkan cahaya ilmu dalam diri seseorang. Penggunaan al-tawkid dalam teks ini merujuk kepada rangkap kedua frasa pertama puisi tersebut. Menurut kaedah Nahu, hamzah pada Anna dibaca dengan baris atas sekiranya didahului dengan harf jar bi. . walaupun jumlah tersebut dikategorikan sebagai *jumlah mahkiyyah al-qaul*. Jika ditinjau penggunaannya dari aspek balaghah, rangkap kedua dimulai dengan waw ataf yang menunjukkan terdapatnya kesinambungan makna antara rangkap pertama dan rangkap kedua teks tersebut. penggunaan partikel al-tawkid (Anna) sebagai pengukuh kepada nasihat yang diberikan supaya meninggalkan maksiat. larangan meninggalkan maksiat tersebut menyebabkan timbul persoalan diminda pendengar, kenapa perlunya meninggalkan maksiat, apakah perkaitan antara ilmu dan maksiat dan pelbagai lagi persoalan lain. Dengan mendatangkan partikel anna, persoalan di minda pendengar akan terjawab. Imam al-Shafi'i mengemukakan bentuk *tashbih baligh* (العلم نور) ilmu adalah cahaya sebagai menggambarkan kedudukan ilmu dan cahaya pada kedudukan yang sama

dan saling berkait rapat. Sekiranya dihilangkan cahaya makan akan hilanglah ilmu begitu juga sebaliknya. Cahaya ilmu adalah cahaya dari Allah yang akan memberi keberkatan kepada ilmu yang dipelajari oleh seseorang. Melakukan maksiat ialah seolah-olah anda sedang menghilangkan cahaya Allah dalam diri dan hal ini akan membawa kepada hilangnya seluruh keberkatan dalam hidup Muslim. Imam al-Shafie cukup menitik beratkan pencarian keberkatan dalam mempelajari ilmu. Teguran gurunya Waqi' terhadapnya dinyatakan dengan jelas dalam ungkapan puisinya sekaligus menunjukkan beliau seorang yang ikhlas dalam mengamalkan ilmu yang dipelajari. Serta amanah dalam beramal. Melalui analisis tekstual, dapat difahami makna tersurat dan tersirat disebalik penggunaan setiap partikel al-tawkid yang digunakan sekali gus membantu pembaca memahami teks puisi secara keseluruhan.

Kesimpulan

Kaedah analisis tekstual merupakan satu kaedah yang komprehensif dalam menilai sesebuah teks puisi kerana kaedah ini bukan sahaja menganalisis teks dari segi penggunaan bahasa, bahkan meliputi makna tersurat dan tersirat dalam sesebuah teks puisi. Penelitian dari apek gaya bahasa juga dapat dibuat dengan lebih tepat memandangkan kaedah ini memerlukan juga menfokuskan aspek penggunaan struktur bahasa yang tepat.

Rujukan

- A.Bryman, 2008, Social research methods, fourth editon , Oxford university Press
- Ahmad Al-Hasyimiyy. (1996). *Al-Qawaid Al-Asasiyyah Li Allughah Al-Arabiyyah*. Beirut, Lubnan: Dar Al-kutub Al-Ilmiyyah.
- Ahmad Mukhtar Umar et all. (2008). *al-Arabiyyah al-Mu'asoroh*.
- Al-Hashimiy, A. (n.d.). *al-Qawaid al-Asasiyyah li al-Lughah al-Arabiyyah*. Beirut, Lubnan: Dar Al-kutub Al-Ilmiyyah.
- Al-Hashimiyy, A. (1994). *Jawahir al-Balaghat fi al-Ma'ani wa al-Bayan wa al-Badi'*. Beirut: al-maktabah al-asriyyah.
- Ahmad Zaki Amiruddin (2012) Metodologi Tatabahasa Penjanaan Dan Transformasi; Aplikasinya Dalam Ayat-Ayat Suci Al-Quran, Social Sciences Post Graduate National Seminar 2012, 19 November 2012.
- Canale, M. (1983). From Communicative Competence To Communicative Language Pedagogy. In Richards, J. C., & Schmidt, R. W. (Eds.), *Language And Communication*, 2-27. London: Longman
- Chomsky, N (1965) *Aspects Of The Theory Of Syntax*. Cambridge, Massachusetts: The M.I.T. Press.
- dalam Steve Stember, 2001:1)
- Ekrivst, Nils E, (1973), *Linguistic and style*, Amsterdam: North- Holland Publishing Company.

- Ghazali Darussalam, Sufean Hussin (2016) *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan*, Penerbit Universiti Malaya.
- J.W. Creswell, 1998 *Research design: Qualitative & Quantitatives approach*, SAGE publication Thousand Oak, C.A.
- JM Muray (1960), *the problem of style*. London: Oxford paperback.
- Joubish, Muhammad Farooq, Muhammad asyraf Khurram (2011), *Outlook on some concept in the curriculum of social studies*, World Applied Science Journal.
- K.Krippendorff, 1980, *Content Analysis. An Introduction to its methodology*, third edition, SAGE publication.
- Khazri Bin Osman (2015) *Pendekatan Dakwah Melalui Targhib Dan Tarhib Dalam Antologi puisi Imam Shafie Rahimahullah.*, Tesis Phd, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Leech, GN & Short, M.H. 1993 *Gaya dalam cereka*. Umar Junus (Penterjemah), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmud Rabi' (2005) *Antologi puisi Al- Imam Al-Shafi'i*, Amman: Dar Al-Isra'
- Mestika Zaid (2008), *metode penelitian kepustakaan*, c 2. Jakarta: Yayasan obor Indonesia.
- Mohamad Fadzeli Jaafar (2011), *aspek gaya bahasa dalam sastera melayu berunsur Islam*, jurnal pengajian umum asia tenggara 7. [Http://journalarticle.ukm.my/1128/1/1.pdf](http://journalarticle.ukm.my/1128/1/1.pdf).
- Muhammad Abu Musa (2009) *Muqaddimah Khasais At-Tarakib*, Maktabah Wahbah
- Mujahid Mustafa Bahjat (1986) *Shi'r Al-Shéfi'ê*. Mawṣil: Jémiñat Al-Mawīl
- (2003) *Antologi puisi Al-Shéfiñê*. Baghdad: Dér Al-ilm
- Najihah Abdul Wahid (2014) *Pemikiran Imam Al-Shafie r.h.m r.h.m r.h.m Dalam Puisi-Puisi Aqidah Dan Tasawwuf*. Tesis Phd. Universiti Malaysia Terengganu.
- Othman Lebar (2012) *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori Dan Metod*, Tanjung malim: Penerbit universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Wales, K., 1989. *A Dictionary of stylistic*. London : Harlow.
- Webber, J.J 1989 *the stylistic reader: From roman Jacobson to ther present*, London: Arnold
- Zulkify Hamid (2006) *Bidang-bidang lain dalam kajian bahasa*. Dim linguistic Melayu, bangi: UKM

Nik Murshidah Nik Din
Pusat Pengajian Pendidikan, Dakwah dan Peradaban Islam
Universiti Sultan Zainal Abidin
murshidah@unisza.edu.my

Najihah Abd Wahid
Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam,
Universiti Sultan Zainal Abidin
najihah@unisza.edu.my

Rahimah Embong
Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan
Universiti Sultan Zainal Abidin
rahimahembong@unisza.edu.my

Khazri Osman
Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan
Universiti Kebangsaan Malaysia
khazri@ukm.edu.my

Nik Muniyati Nik Din
Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam,
Universiti Teknologi Mara (UiTM), Kampus Kota Bahru